

# **Konsep *Hadhari* serta Kaitannya dengan Islam: Satu Perspektif**

*Rasid Muhamad*

## **ABSTRAK**

*Tulisan ini cuba untuk mengupas konsep hadhari serta kaitannya dengan agama. Ini melibatkan pentafsiran yang dilakukan oleh sarjana ketamadunan tentang konsep hadhari serta istilah yang seerti dengannya, ciri-ciri hadhari itu sendiri, serta peranan agama dalam pembentukan masyarakat yang hadhari tersebut. Tulisan ini juga akan menyorot faktor-faktor yang boleh memusnahkan suatu hadhari.*

## **Pengenalan**

Konsep atau persoalan *hadhari* telah menjadi isu utama dan mendapat sorotan yang meluas terutama setelah konsep “Islam *hadhari*” diperkenalkan oleh pihak yang berwajib Malaysia. Terdapat pelbagai tafsiran tentangnya. Namun diyakini perbincangan yang “adil” dan tuntas tentang persoalan *hadhari* ini amat perlu, agar ianya menghampiri hakikat sebenarnya, bukan didorong oleh kepentingan kepuakan atau kelompok tertentu. Tulisan ini akan membahaskan persoalan *hadhari* atau tamadun dan kaitannya dengan Islam.

## **Konsep *Hadhari* atau Tamadun**

Sesungguhnya secara mudah *hadhari* itu bolehlah diterjemahkan dengan maksud “tamadun”. Wacana tentang tamadun dan yang berkaitan dengannya bukanlah sesuatu yang baru. Pengkaji ketamadunan sama ada yang muslim atau bukan muslim telah lama membahaskannya berdasarkan kepada pendekatan dan perspektif yang

tersendiri. Tafsiran mereka yang pelbagai mengenai tamadun itu amat berkait pula dengan sistem nilai yang dianuti, budaya yang melatari, pengalaman, serta *world view* yang difahami oleh sarjana atau penulis tersebut.

Dengan yang demikian terdapat pelbagai istilah dan pentafsiran yang digunakan oleh penulis dalam memperihalkan tentang apa yang dikatakan “tamadun” itu. Selain dari istilah *hadhari*, terdapat pelbagai istilah yang digunakan dalam memperihalkan tamadun, ini termasuklah istilah *madaniyah*, *umran*, dan juga *tamaddun* dalam bahasa Arab. Nilai dalaman istilah tersebut tetap satu iaitu mempunyai ciri-ciri *kemajuan*, bukan *kemunduran*.

Di antara sarjana yang awal membincangkan secara serius dan mendalam persoalan tamadun dalam konteks Malaysia ialah Muhammad Abdul Jabbar Beg, melalui tulisannya *Islamic and Western Concept of Civilization* pada tahun 1979 lagi. Beliau telah mengkaji pelbagai istilah yang digunakan oleh sarjana dalam memperihalkan persoalan tamadun ini. Beliau menyatakan di antara sarjana awal yang menggunakan istilah “*hadharah*” ialah Ibnu Khaldun dalam karyanya yang terkenal *al-Muqaddimah*. *Hadharah* dalam tulisan Ibnu Khaldun merujuk kepada kehidupan menetap, yang akhirnya melahirkan bandar dan kota, yang merupakan kebalikan dari perkataan “*badwi*” yang bermaksud “*mundur*” atau “*kedaratan*”. Penulis lain yang menggunakan istilah *hadharah* ialah Kurd Ali dalam tulisannya yang juga mengandungi maksud “*tamaddun*” (Muhammad Abdul Jabbar Beg 1982). Sarjana lain yang menggunakan istilah *hadhari* ialah Malik bin Nabi yang mentakrifkannya sebagai “*berada pada tahap maju*” (Abdul Latif Muda 1983:8).

Selain dari istilah *hadhari*, Ibnu Khaldun juga menggunakan istilah *umran* dalam membincangkan persoalan tamadun. *Umran* itu merujuk kepada maksud “kawasan atau rumah yang didiami, diduduki orang, tinggal menetap, dalam keadaan yang berkembang maju dan subur” (Ibnu Khaldun 1960).

Istilah lain yang digunakan dalam memperihalkan tamadun ialah istilah *madaniyyah*. Di antara sarjana yang menggunakan istilah ini ialah Farid Wajdi, Muhammad Abduh dan juga Abu Nasr al-Farabi. *Madaniyah* ini secara umumnya bermaksud “pencapaian kemajuan dan kehidupan yang bersifat kebandaran”. Sehubungan dengan istilah ini, Syed Muhammad Naquib al-Attas, menghuraikan istilah tamadun dari kata dasar *din*, yang akhirnya membentuk istilah tamadun yang didefinisikannya sebagai “*keadaan kehidupan insan yang telah mencapai taraf kehalusan tatasusila dan kebudayaan yang luhur bagi seluruh masyarakat*” (Syed Muhammad Naquib 1977: 7).

Nyatalah *hадhari* bukanlah satu-satunya istilah yang menggambarkan keadaan kemajuan dan ketamadunan sesebuah masyarakat atau ummah. Namun ianya tidak lari dari isi tamadun itu sendiri yang mencirikan sebuah masyarakat maju dan berkualiti.

## Ciri Masyarakat *Hадhari*

Oleh kerana *hадhari* itu merupakan konsep yang merujuk kepada “tamadun”, tentunya masyarakat tersebut perlu mempunyai ciri dan watak tertentu yang mampu menghasilkan tamadun atau *hадhari*. Hal ini kerana tamadun atau *hадhari* itu lahir dari manusia atau masyarakat yang mempunyai ciri *hадhari*. Syed Qutb (1980) dalam tulisannya *Petunjuk Sepanjang Jalan* telah menghuraikan unsur utama sebuah tamadun itu, iaitu melibatkan:

1. Pengabdian diri kepada Allah Yang Maha Esa
2. Berorganisasi atas dasar akidah
3. Keagungan dan keluhuran nilai kemanusiaan berbanding dengan nilai kebendaan
4. Berfungsinya nilai-nilai kemanusiaan yang menyebabkan berkembangnya sifat “kemanusiaan” manusia bukan sifat kebinatangan
5. Kesucian keluarga

6. Melaksanakan tugas khalifah di bumi Allah dengan mengikut panduan Allah dan setia memegang janji dan amanah Allah
7. Mematuhi syariat dalam semua urusan khalifah itu.

Masyarakat bertamadun ini digambarkan juga secara menyeluruh oleh Muhammad Kamal Hassan (1992) yang menurutnya perlulah mempunyai ciri-ciri berikut iaitu:

1. Pemerintah yang mendaulatkan keadilan dan melaksanakan dasar-dasar egalitarianisme;
2. Berakhhlak mulia, beradab bersopan dan berbudi bahasa. Nilai-nilai etika amat disanjungi;
3. Melambangkan pencapaian ilmu dan teknologi berasaskan tradisi ilmu yang bersepadu antara naqli dan akli dan penghormatan kepada para ilmuan;
4. Menghormati undang-undang sebagai satu cara hidup;
5. Menghayati disiplin diri secara kolektif bukan kerana takut kepada kuasa undang-undang, tetapi kerana memberi rasa kepuasan dalaman;
6. Kepekaan tentang tanggungjawab sosial dirasai secara meluas oleh semua golongan- profesional, korporat, perniagaan, pentadbiran, cendekiawan, dan badan-badan bukan kerajaan;
7. Kekuasaan tidak dimonopoli oleh satu golongan atasan tetapi dibahagi-bahagi secara saksama dan *decentralised*;
8. Kebebasan bersuara dan perbezaan pendapat dihormati dan dilindungi. Ini termasuklah hak mengkritik pemerintah dengan cara yang adil;
9. Memberi layanan yang baik kepada golongan tua, miskin, cacat anggota dan kurang upaya;
10. Nilai-nilai agama samawi menjadi asas kehidupan bermasyarakat dan diintegrasikan dengan semua kegiatan duniawi;
11. Mengenali sejarah bangsa dan negara dan tahu

- berhutang budi kepada orang yang berjasa dalam sejarah;
12. Kebersihan dan amalan kebersihan sudah menjadi cara hidup keluarga, komuniti dan negara;
  13. Kepemimpinan yang bertaualadan dan cemerlang dalam pengurusan dan pemerintahan;
  14. Penjagaan dan pemuliharaan alam sekitar diberi perhatian yang serius;
  15. Kehidupan seni dan budaya termasuk sukan yang serasi dengan nilai agama dan kemanusiaan yang luhur;
  16. Wujudnya budaya parti politik yang bersih, bermoral, bertanggungjawab kepada rakyat, bekerjasama dalam perkara yang dipersetujui bersama dan berlapang dada terhadap pelbagai perbezaan pendapat dan pendekatan;
  17. Wujudnya teknologi maklumat dan media massa (cetak dan elektronik) yang mendokong nilai-nilai kebenaran, keindahan, ketinggian budi, pendidikan dan ilmu pengetahuan.

Nyatakan konsep tamadun atau *hadrhari* itu, adalah suatu yang menyeluruh dan syumul merangkumi pelbagai sudut dan dimensi kehidupan yang menjalinkan secara harmonis dan terpadu antara agama dan kehidupan, naqli dan akli, dunia dan akhirat, individu dan masyarakat dalam rangka pengabdian diri kepada Allah dan pelaksanaan tugas sebagai KhalifahNya di muka bumi ini.

## **Islam dan *Hadrhari***

Islam dan *hadrhari* tidak dapat dipisahkan. Malah menurut Syed Qutb (1980) "Islam itulah tamaddun!". Ianya menjelaskan bahawa tamadun dalam erti kata yang sebenarnya adalah hasil dari Islam. Justeru itu, sesuatu yang bercanggah atau tidak serasi dengan Islam pada hakikatnya bukanlah tamadun. Semunya itu menegaskan betapa rapatnya Islam itu dengan *hadrhari* atau tamadun.

Malek Bin Nabi telah menghuraikan fenomena

kelahiran sebuah tamadun itu apabila tiga unsur utama yang penting dalam membentuk tamadun diadun dan dimanfaatkan iaitu faktor *alam*, *manusia*, dan *waktu*. Menurutnya, jikalau ketika unsur tersebut dikendalikan secara tepat dengan bimbingan agama, tamadun yang mantap akan dapat dilahirkan (Malik bin Nabi 1969: 61).

Islam, sesungguhnya telah membuktikan ianya menjadi pencetus tamadun yang gemilang. Sekurang-kurangnya terdapat lima unsur utama yang dicetuskan oleh Islam yang mampu melahirkan tamadun (Rasid 1996). Kelima-lima unsur tersebut ialah:

## 1. Tauhid

*Hadhari* atau tamadun dalam tradisi Islam tentunya berpaksikan kepada tauhid. Justru tauhid merupakan intipati pengajaran dan perjuangan para nabi dan rasul sejak dari zaman nabi Adam a.s. lagi hingga ke hari kiamat. Dalam menegaskan tentang peranan tauhid ini, Ismail Faruqi (1985:18) menyatakan:

*Tauhid adalah asas dalam memberikan identiti kepada tamadun Islam yang mengaitkan segala unsurnya, lalu menjadikannya satu keutuhan, satu wadah yang kukuh, bergelar tamadun.*

Faham tauhid yang mantap dan kukuh menurut al-Faruqi lagi, akan memberikan implikasi yang nyata dalam pembentukan *worldview* seseorang. Ianya melibatkan perkara-perkara yang penting, yang antara lainnya:

- Tauhid membawa implikasi terhadap pengiktirafan kepada dua realiti penting, iaitu realiti Allah yang *menciptakan*, dan realiti yang *diciptakan* iaitu makhluk Allah;
- Menjelaskan bahawa Allah yang menciptakan itu mempunyai hubungan dengan yang diciptakan. Akhirnya membawa kepada pengiktirafan terhadap kekuasaan mutlak yang

dimiliki oleh Allah yang maha pencipta dan Maha berkuasa itu;

- Manusia sebagai makhluk yang istimewa diberikan keupayaan untuk bertindak sesuai dengan tuntutan persekitaran dan kehendak Allah, dan mengiktiraf alam tabii bukanlah suatu yang “buruk” dan “jahat”, tetapi sebagai unsur yang harus dibangunkan dan dimanfaatkan;
- Manusia juga diberikan kebebasan sama ada untuk melakukan sesuatu atau sebaliknya tidak melakukan sesuatu. Kebebasan itu digandingkan pula dengan tanggungjawab. Dan manusia seharusnya bertanggungjawab di atas segala keputusan dan tindakannya. Dengan itu, menjadikan hidup seseorang itu lebih bermakna dan bererti;
- Manusia mempunyai amanah dan tanggungjawab terhadap alam tabii. Manusia mesti memperlakukannya dengan beradab, memajukannya dan memanfaatkannya dengan penuh tepat dan bijaksana;
- Manusia adalah mulia dan suci serta tidak “malang” atau berdosa seperti sesetengah fahaman dan agama. Dengan memenuhi perintah Allah, manusia akan mengangkat taraf dan martabatnya dalam rangka pelaksanaan peranannya sebagai hamba dan khalifah Allah di muka bumi ini.

Tauhid dengan segala implikasinya telah juga dihuraikan dengan cukup meyakinkan oleh Yusuf al-Qardhawi, melalui karyanya yang terkenal “*Iman dan Kehidupan*” (1977). Menurut beliau, iman yang mantap mampu merubah watak manusia, mencipta revolusi dan pembaharuan yang positif terhadap manusia.

Tauhid dengan segala implikasinya mampu melahirkan umat yang berkualiti dalam serti kata yang sebenarnya. Di antara ciri tersebut telah dihuraikan oleh

Sidiq Fadhil (2003), yang disifatkannya sebagai “*umat Qur’ani*”-umat yang dibentuk dengan semangat dan nilai kequruan. Sifat-sifat tersebut antara lainnya ialah:

- Mempunyai keimanan yang murni, positif dan dinamik serta mewarnai perwatakan dan perilaku seseorang termasuk pandangan sarwanya, aksiologinya (sistem nilai) dan epistemologinya (falsafah ilmunya). Iman yang memberi daya juang kekuatan dan daya tahan kepada manusia dalam menghadapi ujian dan cabaran hidup;
- Sentiasa bertawakkal kepada Allah setelah melakukan segala tindakan dan usaha. Tawakkal yang kental kepada Allah memungkinkan seseorang itu berdiri tegak, yakin, optimis dan tidak gentar berhadapan dengan apa jua jenis kekuatan dan kehebatan makhluk;
- Menghindari dosa-dosa besar dan pelbagai bentuk perbuatan keji. Sifat ini merupakan hasil dari kemurnian jiwa dan kejernihan minda yang mampu menjadi daya kawal dan buah dari keimanan yang mendalam;
- Memaaafkan ketika marah, yang merupakan isyarat penting dari sifat berlapang dada dan terbuka minda dalam berinteraksi dengan manusia. Dengan itu seseorang itu mampu mengawal emosi dan perasaan, dan mampu pula memberikan kemaafan, tidak menyimpan kemarahan hingga menjadi dendam turun-temurun.
- Bersikap sensitif dan responsif terhadap perintah Allah. Dengan itu seseorang itu akan sentiasa berhubungan dengan Allah. Hubungan dengan Allah ini akan melahirkan jiwa yang murni, dan benteng dari perlakuan dosa dan perbuatan keji dan tidak berfaedah;
- Sentiasa mendirikan solat. Ianya merupakan

manifestasi dan lambang hubungan dan ketundukan yang mutlak kepada Allah. Ianya menunjukkan lambang persamaan taraf insan dalam Islam, tanpa mengambil kira status dan kedudukan, yang semuanya perlu tunduk kepada Allah;

- Menghayati amalan syura secara meluas. Syura yang dihayati akan menjadi budaya dalam proses membuat keputusan dan tindakan. Ianya merupakan lambang sifat kematangan dan keterbukaan dalam berfikir;
- Membelanjakan rezeki dan kurniaan Allah dengan betul dan mengikut ketentuan Allah. Sifat ini akan mensucikan jiwa dari sifat-sifat keji, antaranya sifat bakhil, tamak, mementingkan diri, dan sebagainya. Sifat sedemikian adalah sesuai dengan kefahaman bahawa kenikmatan dunia adalah serba sementara, rendah dan murah berbanding dengan yang hakiki dan abadi yang diisisi Allah. Sifat ini merangsang seseorang untuk berkurban, berdakwah dan berjihad dalam hidupnya;
- Membela diri dari dizalimi. Umat atau individu perlu bersifat untuk membela dan mempertahankan diri dari pelbagai bentuk kezaliman. Ianya akan melahirkan umat atau individu yang tahu harga diri dan maruah. Dengan itu, mereka yang zalim tidak dapat memperlakukan perlakuan yang melampau dalam masyarakat;
- Memberi pengampunan dan melakukan islah dalam masyarakat. Sifat ini adalah lambang berjiwa besar, terutama dalam melakukan pelbagai usaha untuk mengislahkan masyarakat;
- Sentiasa bersifat sabar. Sifat ini merupakan sifat mereka yang berjaya. Hal ini kerana kehidupan ini akan berhadapan dengan

pelbagai cabaran dan dugaan. Sikap sabar merupakan ubat yang mujarab dalam menghadapi situasi yang sedemikian.

Nyatalah tauhid dengan segala implikasinya merupakan syarat utama dalam melahirkan individu atau insan yang berkualiti. Sesungguhnya insan yang berkualiti sahajalah yang mampu menyumbang ke arah kelahiran tamadun atau *hadhari* yang sebenarnya.

## 2. Ilmu

Ilmu merupakan pra-syarat kedua dalam melahirkan sebuah tamadun atau kehidupan *hadhari*. Ianya amat mudah difahami melalui isyarat dari Allah yang menurunkan ayat yang pertama kepada nabi Muhammad (saw) iaitu ayat yang berkaitan dengan ilmu pengetahuan. Ilmu merupakan kunci segalanya. Dengan ilmulah manusia diangkat oleh Allah menjadi khalifahNya, atau “orang harapanNya” di muka bumi ini berbanding dengan makhluk lain yang juga istimewa, seperti malaikat misalnya. Ianya mengesahkan suatu hakikat bahawa ilmu itu cukup penting.

Kepentingan ilmu dalam pembinaan tamadun umat, bukan hanya diperakui oleh sarjana Islam, tetapi juga oleh sarjana yang bukan Islam. Rosenthal (1992) dalam bukunya “*Knowledge Triumphant*” menyatakan, sesungguhnya keunggulan umat Islam berkait rapat dengan kemantapan ilmu. Ilmu menurutnya “ialah salah satu daripada konsep-konsep yang menguasai Islam, dan memberikan peradaban Islam bentuk dan rupanya yang istimewa”.

Ilmu, sebagaimana yang didefinisikan oleh Prof Syed Muhammad Naquib al-Attas (1978) sebagai “ketibaan makna dalam diri hasil dari maklumat yang benar” itu mempunyai tempat dan konsep yang tersendiri dalam Islam.

Ilmu dalam Islam diklasifikasikan kepada dua itu iaitu fardhu ‘ain dan fardhu kifayah. Ilmu fardhu ‘ain merupakan ilmu asas yang wajib dipelajari oleh setiap

muslim yang melibatkan persoalan aqidah dan kepercayaan, ibadah dan perbuatan, akhlak dan kejiwaan.

Manakala ilmu fardhu kifayah merupakan ilmu yang penting untuk keutuhan dan kelangsungan kehidupan umat. Ilmu fardhu kifayah ini, seperti yang dinyatakan contohnya oleh Imam al-Ghazali melibatkan ilmu matematik, industri makanan, pembuatan pakaian, ilmu pembinaan, ilmu perubatan dan juga pentadbiran, menunjukkan betapa luasnya cakupan ilmu fardhu kifayah dalam Islam itu. Ilmu fardhu kifayah dalam Islam, mengisyaratkan betapa perlunya penghususan dalam pencarian ilmu, serta pengiktirafan Islam terhadap kepelbagaiannya bakat dan potensi yang dimiliki oleh setiap diri individu dalam masyarakat atau umat.

Ilmu fardhu ‘ain dan fardhu kifayah tersebut perlu disepadukan dalam diri individu dan akan menjadikannya insan *hadrati*, insan yang bersepadu dan holistik, dan diberi nafas dan nilai keislaman, yang mampu membangun dan memacu umat ke arah kecemerlangan.

*Hadrati* juga berkaitan dengan penghayatan budaya ilmu dalam masyarakat. Budaya ilmu seperti yang didefinisikan oleh Wan Mohd Noor Wan Daud (1991) sebagai “kewujudan suatu keadaan yang mana setiap lapisan masyarakat melibatkan diri secara langsung atau tidak langsung dalam kegiatan keilmuan bagi setiap kesempatan”. Budaya ilmu juga merujuk kepada “kewujudan suatu keadaan yang segala tindakan manusia baik di tahap individu apatah lagi di peringkat masyarakat diputuskan dan dilaksanakan melalui semangat syura”.

Untuk merealisasikan budaya ilmu itu, Wan Muhammad Nor Wan Daud (1991) seterusnya mengusulkan beberapa langkah yang perlu dilaksanakan yang melibatkan semua pihak. Ianya termasuklah perkara-perkara berikut:

1. Falsafah pembangunan yang bersepadu hendaklah digubal dan dilaksanakan. Dengan itu hasrat untuk melahirkan generasi atau

warganegara yang berkualiti dalam serti kata yang sebenarnya berteraskan kepada ilmu dapat dilaksanakan. Semua pihak- kerajaan dan swasta - perlu terlibat dalam proses ini.

2. Golongan yang terlibat dalam kegiatan keilmuan, seperti ilmuan guru dan pendidik hendaklah dihormati. Khazanah dan penghasilan ilmu hendaklah dijaga dan dihormati. Di samping penghormatan, ganjaran yang sewajarnya diberikan kepada golongan yang terlibat dalam kegiatan keilmuan ini.
3. Golongan ilmuan, cendekiawan dan mereka yang berjaya dalam bidang keilmuan perlulah didedahkan kepada masyarakat agar mereka menjadi contoh dan ikutan kepada masyarakat terutama golongan muda. Media massa perlulah lebih aktif dan bertanggungjawab dalam hal ini.
4. Golongan pemimpin dalam segenap peringkat perlulah mengadakan kegiatan dan terlibat dalam hal-hal keilmuan. Dengan cara ini gerakan keilmuan akan menjadi gerakan kemasyarakatan yang penting. Di samping ciri keilmuan hendaklah dijadikan ciri asas dalam pemilihan dan pengiktifaran terhadap seseorang yang ingin menjadi pemimpin.
5. Untuk menghayati budaya ilmu, segala keputusan yang dibuat dalam setiap peringkat peringkat hendaklah berdasarkan kepada nilai dan prinsip ilmu. Dengan itu pemikiran yang segar dan kreatif dapat disuburkan. Dengan itu, ilmu dirasakan penting dalam setiap kegiatan masyarakat.
6. Di samping memupuk budaya yang positif perlu dipergiatkan, unsur yang boleh membantutkan budaya ilmu perlu dikurangkan kalaupun tidak dapat dihapuskan. Media massa, sama ada cetak atau elektronik perlu lebih bertanggungjawab dalam menghidangkan

- kegiatan dan program kepada khalayaknya. Media massa sewajarnya menjadi wahana yang membina budaya ilmu, bukan sebaliknya menjadi “makhluk perosak” kepada budaya ilmu.
7. Untuk melahirkan pencinta ilmu yang bersikap dan bersifat global, penguasaan bahasa kedua terutamanya bahasa Inggeris amat ketara sekali. Pengajaran bahasa Inggeris perlu dilihat keberkesanannya sebagai bahasa penting yang telah diajar sejak dari Tadika lagi itu, di samping tidak meminggirkan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, bahasa perpaduan dan jatidiri masyarakat Malaysia. Program penterjemahan terhadap karya-karya besar ke dalam bahasa Melayu perlu terus dilakukan, di samping memperbanyakkan bahan bacaan yang bermutu dengan harga yang berpatutan.

Nyatalah *hадhari* melibatkan kefahaman yang jelas tentang konsep serta kepentingan ilmu dalam masyarakat. Ilmu perlulah dihayati dan dibudayakan dalam masyarakat. Ianya melibatkan komitmen semua pihak dan melibatkan kos yang tidak sedikit. Dan untuk tujuan itu, ianya tiada pilihan!

### **3. Usaha dan Kesungguhan**

*Hадhari* bukan hanya hasil dari cita-cita dan angan-angan. Ianya hasil dari usaha, keringat dan air mata. Berdasarkan anjuran al-Quran dan Sunnah Rasulullah (saw) umat Islam dianjurkan berusaha dan beramal. Jikalau diteliti di dalam al-Quran, terdapat tidak kurang dari 360 ayat yang berkaitan dengan amal. Ianya mengesahkan betapa amal dan berusaha itu suatu yang penting. Selain dari perkataan atau istilah amal, terdapat pelbagai istilah yang berkaitan dengan amal dan usaha, seperti istilah *ikhtiar*, *tawakkal*, dan *jihad*. Lebih

mendalam dari itu lagi, amalan seseorang itulah yang akan dinilai oleh Allah, seperti yang ditegaskan dalam surah an-Najmi (39), “Dan bahawa sesungguhnya tidak ada (balasan) bagi seseorang melainkan (balasan) dari apa yang diusahakan”.

Dalam konteks yang lain, Murtadha Mutahhari (1983) mengaitkan kelemahan umat Islam ialah kegagalan mereka memahami konsep amal yang betul. Beliau menyatakan bahawa umat Islam terlalu “menyempitkan” konsep amal, yang akhirnya melahirkan umat yang kehilangan untuk bekerja kuat, sebaliknya mendorong mereka bersikap sambil lewa, kurang iltizam dan tidak istiqamah dalam berusaha.

1. Dalam hal yang berhubungan, Sidiq Fadil (1998) menyatakan bahawa Islam mengemukakan metos kerja yang memungkinkan melahirkan budaya kerja yang cemerlang. Ianya bertitik tolak kepada perkara berikut: Konsep hidup dan kehidupan ini adalah medan persaingan untuk melakukan amal yang banyak dan terbaik.
2. Amalan duniai yang diamalkan akan mempengaruhi kehidupan ukhrawi.
3. Bekerja kuat bukan didorong oleh tekanan majikan, atau orang lain, tetapi digerakkan oleh motivasi dalaman diri.
4. Ianya merupakan satu realisasi terhadap konsep hamba dan kahalifah Allah.
5. Kerjanya itu akhirnya menjurus ke arah pencapaian mardhatilLah.

Dengan hal yang sedemikian, seseorang itu akan mewarnakan amalannya itu dengan semangat dan nilai Islamiyah, supaya ianya menjadi ibadah. Nilai-nilai tersebut perlulah memenuhi syarat yang diusulkan oleh Yusof al-Qardhawi (1978):

1. Dilakukan atas dorongan dan tuntutan keimanan
2. Sesuatu kerja yang baik dan halal

3. Dilaksanakan menurut tuntutan syarak
4. Dilaksanakan dengan ikhlas
5. Dilaksanakan dengan tidak menganggu ibadat yang khusus
6. Dilakukan dengan penuh kesungguhan.

Nyatalah dengan adanya konsep amal yang dikemukakan oleh Islam, bersendikan kesungguhan, keihlasan serta tawakkal kepada Allah, melahirkan umat yang gigih dan mampu menghasilkan tamadun yang cemerlang. Di samping ianya sentiasa optimis dalam hidup serta bersyukur kepada Allah jikalau mencapai kemajuan dan kecemerlangan.

#### **4. Keterbukaan dan Kreatif**

Tamadun yang cemerlang didorong oleh sikap terbuka dan kreatif. Sebaliknya tamadun yang cemerlang tidak lahir dalam suasana pemikiran yang tertutup, jumud dan kaku. Oleh itu, Islam amat menggalakkan pemikiran umatnya terbuka dan kreatif, tetapi berprinsip.

Jikalau diteliti, terdapat banyak sekali ayat al-Quran yang menggesa umatnya agar menggunakan akal secara tepat dan bertempat. Di antaranya perkataan *dabbara* (merenungkan) sebanyak 8 ayat, *faqiha* (mengerti dengan mendalam) sebanyak 20 ayat, *nazara* (melihat secara abstrak) sebanyak 30 ayat, *tafakkara* (berfikir) sebanyak 16 ayat, dan perkataan *aqala* (berakal) sebanyak 30 ayat (Harun Nasution 1985: 71). Nyatalah al-Quran merangsang umatnya agar menggunakan akal dan membina kreativiti yang tinggi. Begitu juga dengan sabda Rasulullah (saw) yang juga begitu positif terhadap penggunaan akal yang benar dan kreatif. Ini dapat dilihat melalui keakuran baginda terhadap beberapa cadangan sahabat yang melambangkan keterbukaan baginda, misalnya baginda menerima pandangan Salman al-Farisi, yang mencadangkan kepada baginda agar membina parit sebagai strategi pertahanan dalam peperangan Khandak. Begitu juga sabda baginda yang bermaksud “*Kamu lebih tahu tentang urusan dunia kamu*” yang merujuk kepada

persoalan yang teknikal dan pendekatan, yang seharusnya menggunakan akal, seperti pendebungan tamar yang menjadi asas baginda bersabda sedemikian.

Oleh itu tidak menghairankan, begitu ramai sekali sarjana Islam yang menggesa umat Islam agar bersikap kreatif dan terbuka. Muhammad Asad (1983: 97) misalnya pernah menyatakan, “kita (umat Islam) selalu boleh menerima pengaruh baru dari peradaban asing, tanpa harus menghancurkan peradaban sendiri”.

Muhammad Natsir (1991: 101) menyatakan bahawa umat Islam mempunyai “potensi budaya” yang memungkinkannya muncul sebagai umat yang berjaya. Potensi tersebut melibatkan, sikap umat Islam yang menghormati penggunaan akal, menuntut umatnya menuntut ilmu, mendorong umatnya berinisiatif serta melarang umatnya bertaqlid, (dengan membabi buta)”.

Hassan Langgulung (1990: 22) menegaskan bahawa tamadun Islam tegak di atas dasar kreatif dan keterbukaannya yang tinggi. Menurutnya lagi, tamadun Islam itu “tegak di atas dialog yang membina dan prinsip memberi dan mengambil. Dengan itu ia dapat menghadamkan pencapaian sains yang mekar pada tamadun-tamadun yang lain, malah ia menambah dan memperkayakannya sehingga mengeluarkan tamadun yang gemilang dan cemerlang dalam segala bidang ilmu pengetahuan”.

S. Waqar al-Husaini (1986: 9) menyatakan bahawa umat Islam mempunyai sikap keterbukaan yang hebat. Katanya, “umat Islam telah memanfaatkan sumber-sumber tamadun dari orang-orang Yunani, Romawi, Iskandariah, Syria, Parsi, India dan China”. Dengan itu terhasillah tamadun yang berkualiti.

Tepatlah kesimpulan yang dibuat oleh Garaudi (1984:87) yang menyatakan bahawa “kemajuan umat Islam khususnya dalam sains dan teknologi yang ianya amat berkait dengan sifat kreatif dan keterbukaan yang luar biasa”.

Nyatalah *hadhari* itu hasil dari budaya berfikir yang positif, kreatif, dan terbuka. Di samping

menggunakan akal secara terbimbing, dengan panduan wahyu. Umat Islam menjadi umat yang kreatif dan selektif, pereka bukan penciplak, pencipta bukan sekadar pengguna dengan asas dan prinsip yang dibekalkan oleh Al-Quran dan sunnah.

### Peraturan dan Akhlak

Tamadun atau *hадхарі* tidak dapat dipisahkan dari peraturan dan akhlak. Hal yang sedemikian ditegaskan oleh Ibnu Khaldun (1960) yang menyatakan bahawa “kezaliman itu membinasakan tamadun” dan ianya bermaksud keadilan akan melindungi tamadun”.

Yang jelasnya, begaimana keadilan dapat ditegakkan, tanpa adanya undang-undang dan akhlak yang mulia. Selanjutnya Ibnu Khaldun (1960) menegaskan beberapa fenomena kezaliman, iaitu “sesiapa mengambil harta orang lain, atau menggunakan seseorang untuk kerja paksa, atau mengemukakan suatu dakwaan tidak berasas, atau melakukan sesuatu yang tidak selaras dengan undang-undang, ianya sudah melakukan kezaliman. Begitu juga dengan orang yang memungut cukai yang tidak selayaknya, juga melakukan kezaliman, begitu jugalah halnya perbuatan menafikan hak orang lain juga melakukan kezaliman”.

Muhammad Asad (1983), menegaskan bahawa “syariah adalah satu aspek yang amat penting bagi tamadun Islam”. Malah lebih tegas dan mendalam lagi, beliau menyatakan bahawa, “nasib umat Islam berkait rapat dengan undang-undang yang dikanunkan, kerana tamadun Islam terbina atas asas-asas yang dibekalkan oleh syariah sahaja”.

Kepentingan peraturan dan akhlak yang menjadi intipati Islam dan tamadun Islam itu ditegaskan lagi oleh Muhammad Abduh (1974), yang menyatakan “keterikatan kepada nabi-nabi dan petunjuk agama membekalkan asas kepada pembinaan tamadun yang utuh, kerana peningkatan nilai kerohanian akan membawa kesan yang positif kepada kemajuan kebendaan”.

Sesungguhnya peraturan, akhlak dan nilai-nilai

positif yang diperkenalkan oleh Islam merupakan ramuan penting bagi kelahiran sebuah tamadun. Tanpanya tamadun tidak dapat ditegakkan dengan sempurna. Atau tanpanya tamadun yang cemerlang itu amat sukar untuk meneruskan jangka hayatnya atau dipertahankan.

Dapatlah ditegaskan, tamadun atau *hadhari* itu bukanlah satu fenomena kebetulan. Ianya suatu yang diusahakan. Ianya merupakan satu penghasilan dari pelbagai sumber yang diadun yang melibatkan seluruh unsur sebagaimana yang dikatakan oleh Malik bin Nabi (1969), iaitu faktor *manusia-tanah-masa*. Namun faktor yang paling dominan ialah faktor manusia. Oleh itu manusia *hadhari* memerlukan penghayatan ketauhidan yang tulen dan membekas dalam seluruh bidang kehidupan, keilmuan yang benar dan mantap, amalan yang tekun dan istiqamah, budaya berfikir yang kreatif positif dan berprinsip. Semua faktor itu dipupuk dan dikawal oleh peraturan, akhlak serta nilai-nilai yang positif. Dengan faktor yang demikian memungkinkan kelahiran apa yang dikatakan sebagai *hadhari* atau tamadun itu!

## Penghalang dan Penghancur *Hadhari*

Tamadun akan dapat direalisasikan jikalau syarat kewujudannya dapat tumbuh dan subur dalam sesuatu masyarakat. Namun, sesuatu tamadun itu tidak dapat bertahan jikalau dilingkari dengan pelbagai masalah. Yusof Al-Qardhawi (1998) telah menyimpulkan bahawa kehancuran sesebuah tamadun didorong oleh pelbagai faktor. Di antara faktor tersebut ialah:

- Mengingkari perintah Allah dan menentang ajaran para rasulNya;
- Mengikut dan mempertahankan pemerintah yang zalim dan para penindas, serta menurut kemahuan para pelampau yang berbuat kerosakan di muka bumi tanpa pernah melakukan sebarang kebaikan di dalamnya. Demikianlah yang telah dilakukan oleh kaum ‘Ad dan Tahamud;

- Merasa gembira dengan ilmu kebendaan dan meninggalkan isi kandungan wahyu, seperti yang dipaparkan di dalam al-Quran;
- Terpedaya dengan kekuatan kebendaan dan kekayaan serta mengabaikan azab dan hukuman Allah Ta'ala. Demikianlah bangsa Fir'aun dan Qarun;
- Berlaku zalim, sompong dan bertindak sewenang-wenang tanpa alasan yang benar, terutama kepada fakir miskin, dan orang-orang yang lemah. Demikianlah perbuatan bani Madyan, kaum nabi Su'aib;
- Melakukan maksiat dan menurut hawa nafsu tanpa pertimbangan dan batasan, seperti yang dilakukan oleh kaum nabi Luth;
- Menyebarluaskan kerosakan di muka bumi. Melakukan kemungkaran secara terang-terangan serta tidak saling menegah kemungkaran yang berlaku. Demikianlah perbuatan Bani Isra'il, seperti yang dipaparkan di dalam al-Quran dalam surah al-Maidah, ayat ke 79, yang bermaksud "mereka satu sama lain tidak melarang tindakan mungkar yang mereka lakukan";
- Mengingkari nikmat-nikmat Allah serta tidak pernah mensyukurinya, bahkan menggunakan anugerah pemberian Allah itu untuk melakukan kemaksiatan terhadapNya, seperti yang dipaparkan dalam al-Quraan, surah an-Nahl, ayat 112, yang bermaksud, "tetapi penduduk negeri itu mengingkari nikmat-nikmat Allah, kerana itu Allah merasakan kepada mereka kelaparan dan ketakutan yang meliputi mereka disebabkan apa yang selalu diperbuat";
- Menjalani kehidupan secara mewah dan terlalu bersenang-lenang, seperti yang disebut dalam al-Quran dalam surah al-Qasas, ayat 58 yang bermaksud "Dan beberapa banyaknya (penduduk) negeri itu yang telah Kami binasakannya setelah (terlalu) bersenang-lenang dalam kehidupannya".

Pandangan yang hampir sama dikemukakan oleh pemikir Islam, Muhammad Rashid Ridha (1991: 406), yang merumuskan antara faktor yang menghalang kewujudan atau yang akan memusnahkan tamadun, termasuklah:

- Kekayaan yang melampaui serta kezaliman yang bermaharajalela;
- Peperangan dan permusuhan yang keras yang penuh dengan dendam yang mendalam;
- Perempuan yang melampaui batas;
- Pelbagai bentuk penguasaan, perhambaan serta kezaliman terhadap sesuatu kaum atau golongan.

Nyatalah maju mundurnya sesebuah masyarakat atau ummah amat berkait dengan dalaman “manusia” itu sendiri dan pengabaian terhadap nilai dan prinsip Islam seperti yang diungkapkan Muhammad al-Fadhil Asyur dalam tulisannya “Ruh al-Hadharah al-Islamiyyah” (1993), yang antara lainnya menyatakan:

*Kita telah sepakat, bahawa Islamlah yang menyebabkan umat Islam maju. Dan keengganan untuk mempelajarinya, merendah dan meremehkan hukum-hukumNya dan mengamalkan adab dan akhlak yang buruk merupakan sebab yang memundurkan umat Islam.*

Pendeta Za’ba (1980) menyebutkan tamadun sebagai

*Tamadun yang berjalan pada hari ini adalah dari jenis tamadun yang melupakan Tuhan. Orang sentiasa suka mencari kesedapan diri, memuaskan hawa nafsu syahwat, mengenyangkan perut dan menyedapkan tekak, berhias bersuka-sukaan, dahagakan nama dan kemegahan, lambakan wang dan kekayaan, tamakkan kuasa dan kerajaan,*

*berebut-rebut hendak memerintah dunia.*

## Kesimpulan

*Hadhari* atau tamadun menurut perspektif yang tepat amat berkait dengan Islam. Untuk melahirkan masyarakat *hadrhari*, ianya memerlukan penghayatan umat Islam terhadap Islam yang hakiki itu. Ianya sebagaimana yang disebutkan oleh Ahmad Abdul Rahim Al-Sayeh (1991) yang antara lainnya menyatakan:

*Sesungguhnya orang-orang Islam boleh kembali kepada keagungan, yang lalu, apabila mereka kembali kepada kesahaman tentang hakikat hidup dalam Islam dan kepada ilmu yang digalakkan oleh Islam untuk diambil.*

Ringkasnya, *hadrhari* itu hasil dari umat yang mempunyai cirri-ciri hadhari yang unggul, dan benar-benar berkualiti, sebagaimana yang diisyaratkan oleh Allah swt melalui firmanNya dalam surah al-Ra'du ayat 17, yang bermaksud:

*Adapun buih itu akan hilang sebagai suatu yang tidak ada harganya, adapun yang memberi manfaat (berkualiti) kepada manusia ia tetap di bumi. Maka demikianlah Allah membuat perumpamaan-perumpamaan.*

Wallahu A'lam

## Rujukan

Al-Quran dan Terjemahannya.

Abdul Latif bin Muda. (1983). *Pemikiran Islam Menghadapi Cabaran*. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM).

Ahmad Abdul Rahim Al-Sayeh. (1991). *Makrifat Dalam*

- Islam* (trj). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).
- Faranz Rosenthal. (1992). *Keagungan Ilmu* (trj). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka.
- Harun Nasution. (1985). "Kedudukan Akal Dalam Islam" dlm *As-Shahid*. Vol 1. No 2. Singapura: Himpunan Mahasiswa Islam.
- Hassan Langgulung. (1990). *Menghadapi Abad Kedua Puluh Satu*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ibdu Khaldun. (1960). *al-Muqaddimah*. Kahirah: Darul Fikr.
- Ismail al-Faruqi. (1985). *Islamic Da'wah: Its Nature and Demand*. Indianapolis, USA: American Trust Publication.
- Muhammad Abdul Jabbar Beg. (1979). *Islamic and Western Concept of Civilization*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muhammad Kamal Hassan. (1992). "Pembinaan Bangsa Malaysia Yang Berpendidikan Tinggi Dalam Sebuah Negara Maju" dalam *Kongres Menjelang Abad 21: Islam dan Wawasan 202*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).
- Malek bin Nabi. (1969). *Syurut an-Nahdhah*. Bierut: Darul Fikr.
- Muhamad Asad. (1983). *Islam Di Persimpangan Jalan* (trj). Bandung: Penerbitan Bandung.
- Muhamad Natsir. (1991). *Pesan Perjuangan Seorang Babak*. Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Islam.

Muhammad Abduh. (1974). *Tafsir al-Manar*. Kahirah: Dar Halabi.

Muhammad Fadzil Asyur. (1993). *Ruh al-Hadharah al-Islamiyah*. Virginia USA: IIIT.

Muhammad Rashid Ridha. (1991). *Wahyu Ilahi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka.

Murtadha Mutahhari. (1983). Islamic Philosophy of History. dlm. *As-Shahid*. No 1 & No 2. Singapura: Muslim Youth Assembly. hlm: 105-132.

Rasid bin Muhamad. (1996). *Matra Tamadun Islam*. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM).

Rasid bin Muhamad. (1993). *Tamadun Islam: Konsep, Pengaruh dan Masa Depan*. Ipoh, Perak: Arena Ilmu.

Roger Garaudy. (1984). *Janji-Janji Islam* (trj). Jakarta: Bulan Bintang.

Siddiq Fadil. (1998). *Minda Melayu Baru*. Kuala Lumpur: Institut Kajian Dasar (IKD).

Siddiq Fadil. (2003). *Perspektif Qur'ani: Siri Wacana Tematik*. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM).

Syed Waqar al-Husaini. (1986). *Islamic Science and Public Policy: Lesson From History of Science*. Kuala Lumpur: S. Waqar al-Husaini.

Syed Muhammad Naquib al-Attas. (1977). *Islam: Faham Agama Dan Asas Akhlak*, Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM).

Syed Qutb. (1980). *Petunjuk Sepanjang Jalan* (trj). Bierut Lebnon: IIFSO.

Yusuf al-Qardhawi. (1998). *Islam Teras Tamadun Masa Depan* (trj). Kuala Lumpur: Institut Tejemahan Negara, Malaysia.

Yusuf al-Qardhawi. (1978). *Ibadah Dalam Islam* (trj). Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM).

Yusuf al-Qardhawi. (1977). *Iman dan Kehidupan* (trj). Jakarta: Penerbitan Bulan Bintang.

Wan Mohd Noor Wan Daud. (1991). *Budaya Ilmu: Konsep, Prasyarat, and Pelaksanaanya di Malaysia*. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.

Wan Mohd Noor Wan Daud. (1988). *Penjelasan Budaya Ilmu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).

Za'ba. (1980). *Falsafah Takdir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

---

RASID MUHAMAD, Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam (CITU), Universiti Teknologi MARA Pahang.  
rasid@pahang.uitm.edu.my